

**PENERANGAN INFOGRAFIK RINGKASAN KESELURUHAN
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN) TAHUN 2020 SIRI 1
MENGENAI AKTIVITI AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI TERENGGANU**

1. Infografik ini menunjukkan ringkasan keseluruhan bagi LKAN Tahun 2020 Siri 1 mengenai Aktiviti Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu. LKAN ini melaporkan dua tajuk pengauditan, iaitu satu tajuk di bawah pengauditan prestasi mengenai aktiviti agensi dan satu tajuk berkaitan pengurusan syarikat Kerajaan negeri seperti berikut:

1.1. Pengauditan Aktiviti Agensi Negeri

a. Pengurusan Projek Pembangunan Komersial di Bandar Jertih – Majlis Daerah Besut [Kos Projek: RM46.50 juta]

Kajian ini melaporkan aspek pencapaian output, pencapaian keberhasilan dan pengurusan projek oleh Majlis Daerah Besut (MDB) seperti berikut:

i. Pencapaian Output

Pencapaian output tidak memuaskan kerana satu projek siap iaitu Terminal Bas dan Teksi, dua projek dalam pelaksanaan (Pasar Basah dan Bazar serta Jertih Square – 55.5% & 92.4%) dan satu projek terbengkalai (Pusat Perdagangan Jertih – 83.6%).

ii. Pencapaian Keberhasilan

Keberhasilan projek tidak dapat diukur kerana agensi tidak menetapkan mekanisme penilaian. Berdasarkan tahap kepuasan penyewa di Jertih Square, 73.1% penyewa tidak berpuas hati terhadap aspek aduan dan penyenggaraan premis.

iii. Pengurusan Projek

Penemuan utama Audit bagi aspek pengurusan projek adalah seperti berikut:

- pelaksanaan kerja pembinaan *sewerage treatment plant* (STP) tanpa kelulusan;
- Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD) sejumlah RM61,914 telah dikenakan tanpa Perakuan Kerja Tidak Siap (CNC) dikeluarkan;

- tuntutan kerja *fire fighting and air conditioner system* terlebih bayar sejumlah RM247,818 dan bayaran tuntutan sejumlah RM484,525 menggunakan Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP); dan
- dua kontrak perjanjian bagi projek Pusat Perdagangan Jertih serta Pasar Basah dan Bazar lewat ditandatangani masing-masing selama 612 hari dan 281 hari.

1.2. Pengauditian Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu

a. Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu (YPU) [Syarikat Berhad Menurut Jaminan]

- i. Rumusan bagi perkara utama yang dilaporkan ialah:
 - objektif penubuhan syarikat belum tercapai sepenuhnya dalam meningkatkan bilangan usahawan kelas menengah yang berwibawa ke tahap global;
 - pengurusan aktiviti kurang cekap kerana terdapat kelemahan dalam prestasi dan pelaksanaan;
 - tadbir urus korporat memuaskan namun lima daripada lapan aspek tadbir urus tidak diamalkan sepenuhnya; dan
 - kedudukan kewangan stabil kerana mencatatkan keuntungan terkumpul sejumlah RM56.24 juta pada tahun 2019.
 - ii. Penemuan Audit bagi pengurusan aktiviti syarikat adalah seperti berikut:
 - bayaran balik pinjaman tidak ikut tempoh;
 - tunggakan bayaran balik pinjaman dan sewaan;
 - perjanjian sewaan tidak diperbaharui; dan
 - sewa tidak dikutip.
2. Keseluruhan syor Audit yang diberikan oleh Ketua Audit Negara ialah tujuh syor, iaitu tiga kepada MDB dan empat kepada YPU.